



**PERANAN SALCRA DI DALAM MEMAJUKAN TANAH HAK ADAT BUMIPUTRA  
KAJIAN KES DI BAHAGIAN PERTAMA  
SARAWAK**

**Oleh**

**ANDREW ANAK PAUL NUING  
JANTING ANAK BRIAK  
PHILIP TAY ANAK YAMPIL  
ROSELYN TELA  
SAGAT ANAK CHUPONG**

**PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK**  
**PROJEK PELAJAR**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi Mara, Sarawak  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dan Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam**

**Julai 1998**

## ABSTRAK

Memajukan rakyat di negara ini merupakan salah satu daripada objektif kerajaan negeri selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971 hingga 1990) dan Dasar Pembangunan Negara (1991 - 2000). Kerajaan sangat prihatin dengan tahap sosio dan ekonomi rakyat terutama yang tinggal di luar bandar.

Kerajaan negeri melalui Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah berusaha untuk membangunkan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang berjumlah 1.5 juta hektar. SALCRA akan memajukan tanah NCR ini dengan cara yang lebih moden, berkomersil dan secara estet supaya lebih produktif dan menguntungkan, membentuk pekerjaan dalam sektor pertanian, perniagaan, perindustrian dan berbagai peluang untuk penduduk setempat.

Buat masa sekarang, tanah NCR ini sangat luas dan kurang dibangunkan atau tidak dibangunkan langsung. Ini kerana tuan pemilik NCR tidak berupaya memajukan secara komersil dan mereka ini juga terdiri daripada golongan miskin. Rakyat luar bandar kaya dengan tanah tapi miskin dari segi modal.

Menyedari jurang perbezaan pendapatan yang sangat ketara ini pengkaji telah bersusah payah untuk mencungkil maklumat serta peranan yang dimainkan oleh SALCRA untuk mengatasi masalah ini. Pengkaji akan membuat kajian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh SALCRA serta mengemukakan beberapa cadangan membina bagi membantu SALCRA membangunkan tanah NCR di Sarawak.

# KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI RAJAH	iii
ABSTRAK	iv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latarbelakang Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak - SALCRA	1
1.2 Penyata Masalah	8
1.3 Skop Penyelidikan	10
1.4 Hipotesis	11
1.5 Batasan Kajian	12
1.6 Tinjauan Literature	13
1.7 Metodologi Kajian	14
1.8 Susunan Bab	17
<b>2 PERANAN DAN KONSEP DALAM DASAR SALCRA</b>	
2.1 Peranan SALCRA	18
2.2 Konsep Asas	21
2.3 Tanggungjawab	21
2.4 Ciri-Ciri Pembangunan Tanah	22
2.5 Struktur Organisasi	23
2.6 Pengurusan SALCRA	24
2.7 Perancangan Projek	25
2.8 Hak Milik Tanah	25
2.9 Pembinaan Projek Dan Sumber Kewangan	26
2.10 Pembayaran Balik Pinjaman	27

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latarbelakang Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)**

Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) ialah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan pada 1hb Mei 1976 di bawah Ordinan Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak 1976. Rang Undang - Undang yang mengujudkan Ordinan tersebut diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Mac tahun yang sama walaupun hanya mula beroperasi pada 1hb Mei 1976.

SALCRA ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu dan mempercepatkan arus pembangunan luar bandar. SALCRA mempunyai konsep yang selaras dengan dasar kerajaan iaitu untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap sosio - ekonomi penduduk luar bandar.

Sejak beroperasi mulai 1hb Mei 1976, telah banyak kawasan-kawasan terbiar telah dimajukan dalam Rancangan Pemajuan Luar Bandar.

## **BAB 2**

### **PERANAN DAN KONSEP DALAM DASAR SALCRA**

#### **2.1 Peranan SALCRA**

Peranan utama SALCRA adalah untuk menyatukan, memulih serta memajukan tanah di negeri Sarawak untuk tujuan pertanian. Fungsi utamanya ialah seperti yang terkandung dalam Ordinan Lembaga.

Terdapat beberapa cara yang digunakan oleh SALCRA untuk memulih atau membangunkan tanah hak milik adat. Antaranya ialah seperti berikut :

Samada usahanya sendiri atau secara usahasama dengan badan atau agensi kerajaan atau dengan firma atau orang perseorangan atau sebagai wakil yang mengurus atau sebaliknya mengurus atas nama mereka, kawasan pembangunan tanah kepunyaan Lembaga sendiri ataupun tanah yang diletak hak kepadanya.

SALCRA memainkan peranan yang penting kerana masih ramai petani di negeri ini mengamalkan konsep pertanian secara